

Kementerian sahkan 2,380 murid dijangkiti HFMD

Berita HARIAN 07/08/2018 MS 04

Putrajaya: Seramai 2,380 murid dari 950 sekolah di bawah Kementerian Pendidikan di seluruh negara, terbabit dengan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) sehingga 5 Ogos lalu.

Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan berkata, dalam tempoh itu juga, sebanyak 149 kelas biasa, 65 kelas prasekolah dan lima sekolah, diarah tutup oleh Kementerian Kesihatan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Kementerian Pendidikan mengingatkan mana-mana sekolah atau kelas yang terbabit dengan arahan penutupan sekolah mengikut akta itu supaya mematuhi dan mengambil tindakan dengan seberapa segera melarang murid



Kementerian Pendidikan mengingatkan mana-mana sekolah atau kelas yang terbabit dengan arahan penutupan sekolah mengikut akta itu supaya mematuhi dan ambil tindakan segera larang murid hadir ke sekolah"

Kenyataan Kementerian Pendidikan

daripada hadir ke sekolah.

"Pengetua dan guru besar hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah dengan kadar segera berhubung notis penutupan,

Kawal aktiviti anak

"Pihak sekolah juga perlu menghubungi terus Pejabat Kesihatan daerah, hospital atau klinik berdekatan dengan segera jika ada tanda penyakit itu pada murid dan memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, ibu bapa dan penjaga perlu mengawal aktiviti anak ketika berada di luar sekolah dan merujuk terus ke hospital atau klinik berdekatan jika ada tanda penyakit terbabit.

Sementara itu, jumlah kes HFMD di Negeri Sembilan, meningkat dengan 234 kes baharu direkodkan, sejak enam hari lalu.

Bagi tempoh Januari lalu sehingga hari ini, statistik menunjukkan peningkatan 214 peratus iaitu 1,868 kes berbanding 594 kes dalam tempoh sama, tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan, berkata sehingga kini, empat TASKA dan prasekolah masih ditutup akibat HFMD.

Beliau berkata demikian selepas melawat tapak cadangan Hospital Nilai dan Klinik Kesihatan Nilai, di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Hospital Nilai yang dicadang dibina di tanah seluas 24 hektar di Bandar Enstek, bertujuan menam-

pung keperluan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS), yang merekodkan peningkatan pesakit setiap tahun, dengan kadar penggunaan katil mencapai 80 peratus.

Veerapan berkata, sudah tiba masanya Negeri Sembilan memiliki hospital negeri kedua mengikut pertumbuhan populasi dan keperluan.

Di **Kuantan**, seramai 52 kanak-kanak di Taska dan Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di Pahang dilaporkan dijangkiti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) minggu lalu.

Bagaimanapun, Pengarah KEMAS Pahang, Ahmad Fakhru Azman Muhammad Radzi, berkata hingga kini tiada mana-mana daripada 940 taska atau tabika KEMAS di seluruh negeri yang diarahkan tutup.